


KPT.R.100-2/1/1(12)



PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 3 TAHUN 2010
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN *NATIONAL EDUCATION CODE*
(NEC) BAGI SEMUA JABATAN, BAHAGIAN, AGENSI, INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA), INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
SWASTA (IPTS), POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI DI BAWAH
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberikan garis panduan bagi membantu semua jabatan, bahagian, agensi, institusi pengajian tinggi awam (IPTA), institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), politeknik dan kolej komuniti melaksanakan Kod Bidang Pengajian Negara yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal Antara Agensi (IATC) yang diurusetikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Garis Panduan mengenai pelaksanaan kod bidang tersebut adalah seperti yang disertakan bersama pekeliling ini iaitu *National Education Code Manual (NEC)*.

LATAR BELAKANG

1. Bagi memperkukuhkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) sebagai penjana statistik negara, maka Y.A.B Perdana Menteri telah memberi mandat kepada Jabatan tersebut untuk mengkaji semula tugas dan peranannya. Beberapa jawatankuasa telah dibentuk di antaranya Jawatankuasa Teknikal Antara Agensi (IATC) yang dipengerusikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia. Peranan utama jawatankuasa ini adalah untuk menyeragamkan kod, klasifikasi, definisi statistik antara semua agensi kerajaan.
2. Mesyuarat IATC Bil. 3/2007 pada 22 Ogos 2007 bersetuju supaya Kementerian Pengajian Tinggi dipertanggungjawabkan sebagai pemilik varibel Kod Bidang Pengajian. Satu jawatankuasa kecil di antara agensi telah dibentuk yang terdiri daripada Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Jabatan Perangkaan Malaysia. Mesyuarat IATC Bil. 2/2009 pada 29 September 2009 telah bersetuju dengan NEC yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.
3. Garis Panduan ini bertujuan untuk menyeragamkan kod bidang pengajian di antara kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang terlibat dengan pendidikan dan latihan di Malaysia agar selaras dengan yang digunapakai di peringkat antarabangsa. NEC juga merupakan satu-

satunya sumber rujukan bagaimana untuk mengklasifikasikan bidang pendidikan dan latihan di Malaysia. Ia merangkumi semua program pendidikan dan latihan di semua peringkat pengajian samada berbentuk akademik, latihan vokasional dan kemahiran.

4. NEC ini terdiri daripada 3 digit, di mana 2 digit pertama mengikut *International Standard Classification of Education 97 (ISCED97)* yang telah dibangunkan oleh UNESCO (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation*) untuk bidang pendidikan yang digunakan di peringkat antarabangsa. Manakala digit ketiga adalah lebih fleksibel dan merupakan bidang yang lebih terperinci. Digit ketiga juga telah diselaraskan dengan bidang latihan yang telah dibangunkan oleh CEDEFOP (*European Centre for Development of Vocational Training*) dan EUROSTAT (*Statistical Office of the European Communities*) dan telah disesuaikan mengikut keperluan bidang pengajian di Malaysia.

PELAKSANAAN KOD BIDANG PENGAJIAN NEGARA (NATIONAL EDUCATION CODE)

5. Bagi meningkatkan kualiti data terutama yang berkaitan dengan kod bidang pengajian yang meliputi bidang pendidikan dan latihan, pekeliling ini menetapkan supaya semua jabatan, bahagian, agensi, institusi pengajian tinggi awam (IPTA), institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), politeknik dan kolej komuniti menggunakan kod bidang ini bagi semua program pendidikan dan latihan yang berkaitan dengan organisasi masing-masing.


6. Segala penyaluran data dan maklumat kepada KPT (Sistem MyMoheS, Sistem Kajian Pengesanan Graduan dan lain-lain), agensi kerajaan, swasta, dalam dan luar negara yang melibatkan bidang pendidikan dan latihan perlulah menggunakan kod bidang tersebut.

7. Sistem dan pangkalan data yang melibatkan kod bidang pendidikan dan latihan perlu menggunakan kod bidang ini.

TARIKH BERKUATKUASA

8. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh ia ditandatangani.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DR. ZULKEFLI BIN A. HASSAN)
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

Tarikh: 1 Julai 2010